



Nilai-Nilai Mib membentuk Negara Zikir menurut Perspektif Al Quran

DR HAJI MOHD SHAHROL AZMI BIN HAJI ABD MULUK

Pensyarah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam
azmi.muluk@kupu-sb.edu.bn

Abstrak

Dunia kini berhadapan cabaran era globalisasi iaitu dunia tanpa sempadan. Pengaruh ideologi dan perkara-perkara negatif yang berlaku di luar negara sangat mudah diakses. Di sinilah pentingnya penekanan terhadap pengamalan nilai-nilai MIB yang merupakan benteng pertahanan Negara Brunei Darussalam daripada ideologi-ideologi asing. Oleh yang demikian dalam konteks Negara Brunei Darussalam, nilai-nilai MIB diumpamakan seperti satu sistem saringan yang cukup penting bagi memastikan Bangsa Brunei untuk terus mempertahankan MIB. Menerusi cogan kata yang cukup indah dan unik yang tertulis di dalam panji-panji bendera negara iaitu *الدائمون المحسنون بالهدى* yang membawa maksud ‘Sentiasa membuat kebajikan dengan petunjuk Allah’ merupakan nilai khas MIB dalam membentuk Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir. Perkataan *Muhsinin* atau *Muhsinin* menjadi kata kunci bagi segala “perbuatan baik” yang perlu diamalkan oleh rakyat Brunei. Negara Zikir Melayu Islam Beraja terbentuk menerusi kesepaduan Bangsa Brunei yang mengamalkan sistem Islam sebenar sama ada dalam urusan sehari-hari mahupun urusan dalam pemerintahan. Oleh itu mewujudkan Negara Zikir yang berdaulat dan makmur merupakan suatu tuntutan agama dan perkara ini juga telah disepakati oleh para ulama. Oleh yang demikian kewujudan dan pembentukan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir sebetulnya mempunyai kesinambungan menerusi perlaksanaan dan pengamalan konsep Negara MIB yang telah lama wujud. Apa yang paling penting rakyat yang *Muhsinin* pastinya akan dikasihi Allah. Selagimana kasih dan sayang Allah berada di bumi Darussalam, selagi itulah keamanan yang dinikmati ini akan terus terpelihara.

Keywords: Nilai MIB, Melayu Islam Beraja, Negara Zikir, Peradaban dan Budaya.

Pendahuluan

Negara Brunei Darussalam merupakan sebuah negara yang menjadikan Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai konsep negara. MIB dilihat sebagai anugerah terindah daripada Allah Subhanahu Wa Ta’ala yang sepatutnya untuk disyukuri dan dipelihara oleh seluruh lapisan rakyat Brunei. Perkara ini telah pun dititahkan sendiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah ibini Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddin Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, ketika Perasmian Majlis Ilmu sempena Hari Keputeraan Baginda ke 64 Tahun pada 26 Julai 2010:

“...Sejarah Brunei Darussalam, sedia terisi dengan satu ‘Nilai Besar’, Melayu Islam Beraja (MIB). Ia bukanlah pilihan tetapi anugerah. Anugerah daripada Allah Subhanahu Wataala.

Selaku anugerah, nilainya tentulah lebih tinggi daripada apa yang dihasilkan oleh tangan sendiri. Ia menuntut kepada tanggungjawab, dan tanggungjawab itu pula bernama ‘amanah’.

Siapakah yang bertanggungjawab itu? Jawabnya ialah kita semua, selaku bangsa dan rakyat. Kita jawat anugerah ini, dan berikutnya kita pelihara ia, kita pakai dan kita pupuk terus, sebagai kebanggaan dan warisan.”

Kesinambungan daripada terbinanya sebuah negara MIB, satu ilham murni untuk mewujudkan Negara Zikir telah dititahkan sendiri oleh KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dalam titah Baginda sempena sambutan Hari Raya Aidil Adha tahun 1428 hijrah bersamaan 2007 masihi, pada 09 Zulhijjah 1428 hijrah bersamaan 19 Disember 2007 masihi. Baginda bertitah menyatakan keazaman untuk menjadikan Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir:

“...Beta, insya Allah, akan terus berazam untuk menjadikan Brunei Darussalam sebuah Negara Zikir yang sentiasa mengagungkan Allah, supaya kita selalu berada dalam perhatian dan pemeliharaanNya, ...”

Menurut Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam dalam buku beliau yang



berjudul “Calak Bangsa,” walaupun Negara Zikir tersebut baru diilhamkan oleh KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan pada tahun 2007, namun dari segi pelaksanaannya ianya sudah lama diamalkan. Apa yang disebut dengan Negara Zikir itu meliputi ciri-ciri Negara Adat atau Negara Beradat. Beliau berpendapat sedemikian dengan melihat apabila adat istiadat mengatur aspek-aspek kehidupan individu, berbangsa dan bernegara, di dalamnya akan diseraskan dengan ajaran-ajaran Islam. Contoh kata-kata slogan: “Adat bersendikan Syarak” dan “Syarak bersendikan *Kitabullah*.” Ini melambangkan bahawa adat itu terpakai selama tidak berlawanan dengan hukum syarak. Usaha mempertahankan apa yang negara nikmati sekarang ini bukanlah sesuatu perkara yang boleh ditangani dengan sambil lewa sahaja. Seperti mana yang telah dijelaskan sebelumnya, dunia sekarang menghadapi cabaran era globalisasi yang semakin mencabar. Penekanan terhadap kefahaman berkaitan konsep MIB perlu diperkemas lagi dan seterusnya memastikan nilai-nilai yang terkandung di dalamnya diamalkan dengan sebaik mungkin. Wawasan utama yang ingin dicapai oleh Negara Brunei Darussalam pada tahun 2035 adalah dengan bersandarkan kepada firman Allah Subhanahu Wa Ta’ala dalam surah Saba ayat 15:

كُلُوا مِنْ رِزْقِ رَبِّكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ بَلْدَةً طَيِّبَةً وَرَبُّ غَفُورٌ ۝ ١٥

(سورة سبأ: 15)

Tafsirnya:

“... Makanlah daripada rezeki (yang dikurniakan) Tuhan kamu dan bersyukurlah kepadaNya. (negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan makmur) dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan Yang Maha Pengampun”
(Surah Saba’: 15)

Walaupun secara umumnya ayat tersebut di atas menjelaskan perihal penduduk negeri Saba’ yang telah dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wa Ta’ala dengan bumi yang subur sehingga dapat mengeluarkan hasil pertanian yang banyak namun disebabkan mereka tidak mensyukuri ni’mat tersebut dan hidup berlebih-lebihan sehingga melupakan Allah, maka akibatnya mereka telah ditimpa banjir besar yang luar biasa sehingga memusnahkan kemewahan dan kemakmuran yang mereka kecapai. Dalam Tafsir Ibnu Katsir menjelaskan bahawa kaum Saba’ adalah para penguasa penduduk Negeri Yaman iaitu bangsa Tababi’ah yang berada di dalam kenikmatan yang berlimpah. Rezeki diberikan oleh Tuhan pada negari Saba’ berupa kesuburan tanah dan kelebatan buah lagi manis rasanya serta kehidupan yang terjamin. Jelasnya kaum Saba’ yang telah dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wa Ta’ala menjadi sebuah negeri yang baik dan penuh ampunan, telah diingatkan untuk menikmati anugerah tersebut dengan bersyukur dan menghindari hal-hal yang buruk. Akan tetapi yang berlaku adalah sebaliknya, mereka semakin lalai dan tidak mengingat Allah Subhanahu Wa Ta’ala yang akhirnya bala ditimpakan ke atas mereka. Di sinilah letaknya pengajaran yang cukup berharga. Negara yang aman makmur dengan pengampunan Allah Subhanahu Wa Ta’ala, yang ingin dicapai oleh Negara Brunei Darussalam adalah dengan berdasarkan mencari keredaan Allah jua. Salah satu usaha mendapatkan keredhaan Allah adalah mensyukuri bahawa konsep MIB itu sendiri dilihat sebagai anugerah yang perlu dipertahankan dan seterusnya mampu membentuk sebuah Negara Zikir.

Brunei Darussalam Sebuah Negara Melayu Islam Beraja (MIB)

Brunei Darussalam sebagai negara MIB sememangnya telah diperakui oleh dunia antarabangsa. Maka untuk memahami konsep MIB yang lebih tepat, Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja (MTMIB) telah bermesyuarat berkenaan dengan rumusan huraian MIB pada 13 Syawal 1414 hijrah bersamaan 26 Mac 1994 masihi. Berdasarkan pandangan yang dibuat oleh Kementerian Undang-undang melalui suratnya bertarikh 3 Ramadan 1414 hijrah bersamaan 14 Februari 1994 masihi, perbincangan itu telah merumuskan takrif MIB ialah tiga unsur komponen penting atau integral yang memperakui:

MELAYU : Hak bangsa Melayu yang terdiri daripada tujuh puak jati bangsa Melayu yang dinamik dan dominan menjadi sandaran kehidupan beraja, bekeluarga, bermasyarakat, berbangsa dan bernegara.
Menurut Undang-Undang Taraf Kebangsaan Brunei 1961, tujuh puak jati diri bangsa Melayu Brunei itu ialah Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.



- ISLAM : Agama rasmi negara menurut akidah Ahli Sunnah Waljamaah Mazhab Shafie yang dihayati menjadi cara hidup yang lengkap, sempurna dan unggul.
- BERAJA : Pemerintahan beraja, iaitu sultan selaku pemimpin dan penaung kepada rakyat baginda memegang amanah Allah bagi menjalankan kuasa tertinggi negara.

Oleh yang demikian Profesor Madya Dr. Awang Haji Hashim bin Haji Abdul Hamid telah memberikan gambaran kefahaman yang lebih mudah berkaitan konsep MIB dengan menjelaskan bahawa Melayu, haruslah merujuk dan mengangkat nilai-nilai murni sosio-budaya bangsa Brunei. Manakala Islam bukan hanya sebagai agama rasmi negara, bahkan ia juga dijadikan sebagai cara hidup yang lengkap, dan yang penting juga ialah ia sebagai agama universal atau religio-perenis. Beraja pula bermaksud ketaatsetiaan kepada pemerintah iaitu Sultan sebagai pemimpin kepada kanun, syara', adat dan resam. Dengan berdasarkan kefahaman yang jelas mengenai konsep MIB, barulah kita dapat memahami apa yang dimaksudkan dengan nilai-nilai MIB calak Brunei. Secara rumusannya Konsep MIB telah pun diuraikan oleh MTMIB yang menjadi rujukan atau sandaran dalam memahami MIB itu sendiri. Menerusi konsep yang telah dijelaskan, MIB bukan hanya sekadar gabungan daripada tiga unsur yang berbeza akan tetapi ianya merupakan satu identiti bangsa Brunei yang unik dan perlu dipertahankan. Ke arah itu, untuk pemahaman yang lebih jelas, unsur-unsur MIB perlu difahami dengan lebih mendalam.

Namun dalam keghairahan Negara Brunei Darussalam menuju ke arah negara maju, integrasi dan amalan nilai-nilai murni perlulah juga ditekankan. Ini kerana dunia ketika ini telah berhadapan dengan cabaran era globalisasi yang seterusnya membawa kepada penyebab berlakunya berbagai nilai-nilai atau anasir luar yang negatif yang tidak lagi dapat disaring, sehingga dengan mudah mempengaruhi pemikiran dan karakter masyarakat. Bukan itu saja, bahkan umat Islam masa kini sering menghadapi emosi yang tidak seimbang sehingga menimbulkan masalah kecelaruan jiwa. Apabila dilihat menerusi sejarah, idea pembangunan yang bermula di eropah telah berjaya menawan imaginasi manusia khususnya negara-negara yang terbelakang. Namun setelah negara-negara tersebut meraih kemerdekaan, pembangunan dijadikan sebagai agenda utama merintis jalan kemajuan masing-masing. Globalisasi merupakan keharusan sejarah yang mesti ditangani dengan sebaiknya kerana proses globalisasi itu sendiri bukanlah suatu fenomena yang baru dalam sejarah peradaban dunia. Dalam konteks Negara Brunei Darussalam yang merupakan sebuah negara merdeka lagi berdaulat yang sangat terkenal dengan kekuatan konsep dan falsafah nasional negara iaitu "Melayu Islam Beraja" (MIB). MIB secara langsung dijadikan sebagai nilai negara yang perlu dipertahankan. Brunei Darussalam merupakan sebuah negara Melayu yang berpegang teguh dengan ajaran agama Islam sebagai agama rasmi negara menurut Akidah Ahli Sunnah Waljama'ah bermazhab Syafie sebagai cara hidup dan seterusnya menjadikan sistem beraja sebagai sistem pemerintahan negara yang telah diwarisi sejak lebih 600 tahun lamanya.

MIB menjadikan Brunei Darussalam mempunyai keunikannya tersendiri disebabkan sistem pemerintahan beraja di negara ini telah diberikan legitimasi dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959. Hasilnya, Negara Brunei Darussalam telah mengecapi nikmat keamanan dan kemakmuran, serta kesejahteraan seluruh rakyat di bawah naungan Raja yang berdaulat iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Apa yang perlu diwaspadai ialah proses globalisasi sebenarnya telah memberikan cabaran yang hebat terhadap kefahaman dan penghayatan MIB dalam kalangan masyarakat. Ini kerana ideologi dan kejadian-kejadian yang berlaku di luar negara sangat mudah diakses melalui proses globalisasi. Oleh itu dengan kepesatan perkembangan teknologi maklumat kini telah mempercepat pengaliran maklumat yang boleh mempengaruhi pemikiran rakyat dan penduduk. Maka masyarakat perlu dibekalkan dengan ilmu yang mencukupi berkenaan dengan MIB agar mereka dapat menilai dan mencerna segala maklumat dengan kritikal dan tidak menerimanya bulat-bulat serta tiada tapisan.

Pendidikan Islam dilihat lebih berpotensi dalam usaha membendung masalah yang dibawa oleh arus globalisasi itu sendiri. Islam telah memberikan landasan kuat bagi pelaksanaan pendidikan. Antaranya:

1. Islam menekankan bahawa pendidikan merupakan kewajipan agama dimana proses pembelajaran dan transmisi Ilmu sangat bermakna bagi kehidupan manusia. Perkara ini boleh dilihat menerusi turunnya wahyu pertama dengan perintah membaca, menulis dan mengajar iaitu menerusi surah al-Alaq ayat 1-5.
2. Pelaksanaan pendidikan adalah ibadah kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala yang dijelaskan menerusi surah al Hajj ayat 54.



3. Islam pula meninggikan darjat orang yang berilmu seperti mana yang termaktub dalam surah al Mujadalah ayat 11 dan surah al Nahl ayat 43.
4. Islam juga menjelaskan bahawa pendidikan merupakan proses pendidikan sepanjang hayat (*lifelong learning*).
5. Pembinaan pendidikan menurut Islam bersifat terbuka, inovatif dan menerima ilmu pengetahuan baik dari Timur maupun Barat.

Jika diperhatikan menerusi sukatan pelajaran MIB peringkat menengah bawah yang mempunyai kesinambungan dari Sukatan Pelajaran Sivik Sekolah Rendah, kandungannya terbahagi kepada empat (4) tajuk besar, iaitu Kemasyarakatan, Kebudayaan, Kenegaraan dan Keagamaan. Dasarnya adalah bersedikan pada tafsiran-tafsiran yang terkandung di dalam Sukatan Pelajaran Melayu Islam Beraja – Menengah Bawah, 1991:4-6):

MELAYU: Akan menonjolkan unsur-unsur kebaikan dan yang berfaedah mengenai pemikiran, peraturan, sifat, sikap, budi pekerti, adat resam, adat istiadat, cara hidup dan lain-lain yang menjadi ciri-ciri kehidupan bangsa Melayu Brunei (iaitu termasuklah tujuh (7) puak jati Brunei) yang tidak bertentangan dengan hukum syarak untuk dijadikan sandaran hidup bermasyarakat dan bernegara;

ISLAM: Akan menonjolkan unsur-unsur kebaikan dan yang berfaedah mengenai ajaran-ajaran agama Islam sekira-kira membolehkan orang-orang Islam dan yang bukan Islam memastikan wujudnya ketenteraman dan keamanan masyarakat serta negara, melalui saling pengertian berdasarkan “menyuruh ke arah kebaikan dan menegah kemungkaran” (dengan mengambil akan peruntukan Perlembagaan bahawa agama rasmi negara ini adalah agama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah. Agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan sempurna bagi mereka yang mengamalkannya). Ditekankan juga pengertian agama rasmi termasuklah bagi menonjolkan bahawa Islam itu dilaksanakan dalam kehidupan sehari-hari termasuk secara amalan; dan

BERAJA: Akan menyemai dan memupuk rasa taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menjadi Ketua Agama Rasmi, lambang perpaduan dan kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Di Negara Brunei Darussalam, konsep ‘raja’ adalah menepati istilah khalifah dalam Islam, di mana raja adalah pemerintah tertinggi yang bekerja bagi perkembangan masyarakat dan negara serta kemajuan agama.

Oleh itu dalam menghadapi arus kemodenan pendidikan Islam dan pendidikan MIB memainkan peranan yang penting terutama dalam penekanan terhadap nilai-nilai MIB itu sendiri. Dari aspek teknologi dan pemikiran, MIB dianggap dapat dijadikan sebagai suatu konsep yang bertujuan untuk mempertahankan identiti budaya dan agama masyarakat Melayu Brunei yang merupakan pendekatan pembangunan manusia, masyarakat dan negara yang bersifat menyeluruh berdasarkan perspektif Islam dengan harapan akhir, wujudlah Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang aman dan makmur serta mendapat keampunan dan keredaan Allah Subhanahu Wa Ta’ala (*Baldatun Toyyibatun Wa Rabbun Ghafur*).

Nilai-nilai MIB Menurut Perspektif Islam

Mukjizat terbesar yang dianugerahkan kepada junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallahu ‘Alaihi Wasallam adalah al Quran yang juga merupakan sumber asasi kepada prinsip pembentukan kerangka syariat Islam itu sendiri. Al Quran mengandungi pelbagai pedoman dan gedung perbendaharaan ilmu untuk dijadikan panduan, bimbingan dan mutiara hikmah yang sangat bernilai kepada manusia dalam pembinaan ketamadunan manusia. Al Quran sangat berperanan dalam membuat penekanan terhadap falsafah nilai bagi seseorang muslim itu kerana ia mencerminkan keperibadian dan juga personaliti seseorang muslim yang bertakwa. Hakikatnya, pembangunan sahsiah individu muslim tidak akan berjaya sepenuhnya tanpa diikat dengan nilai-nilai murni yang luhur. Jelasnya dari dimensi Islam, nilai ialah ukuran piawaian kepada manusia untuk menilai sama ada sesuatu perkara, perbuatan atau perkataan itu baik, bermanfaat, mudarat, atau tercela yang disaring dengan menggunakan prinsip akhlak, hukum syariah dan tauhid. Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, nilai-nilai MIB diumpamakan seperti satu sistem saringan yang cukup penting bagi memastikan Bangsa Brunei untuk terus mempertahankan MIB. Ini kerana nilai-nilai MIB itu sendiri merangkumi nilai-nilai Islam. Penekanan nilai-nilai MIB merupakan sebahagian daripada nilai akhlak yang baik dengan mengambil kira tugas utama Baginda Nabi Muhammad Sallahu ‘Alaihi Wasallam yang diutus menjadi rasulullah untuk menyempurnakan akhlak manusia. Sebagaimana dalam hadith Nabi Muhammad Sallahu ‘Alaihi Wasallam, sabdanya:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ



(حديث رواه الإمام البخاري)

Maksudnya:

“Dari Abu Hurairah, Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam bersabda: Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan akhlak yang baik”

(Riwayat Imam Al-Bukhari di dalam Al-Adab Al-Mufrad, no.273)

Akhlah Baginda Nabi Muhammad Sallahu ‘Alaihi Wasallam dijadikan sebagai contoh kerana Baginda memiliki nilai akhlak yang sangat tinggi. Perkara tersebut dijelaskan menerusi firman Allah Subhanahu Wa Ta’ala:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

(سورة القلم: 4)

Tafsirnya:

“Dan sesungguhnya engkau benar-benar mempunyai akhlak yang sangat mulia.”

(Surah al-Qalam: 4)

Kepentingan akhlak juga termaktub dalam syair terkenal Ahmad Syauqi:

وَإِنَّمَا الْأُمَمُ الْأَخْلَاقُ مَا بَقِيََتْ فَإِنْ هُمْ ذَهَبَتْ أَخْلَاقُهُمْ ذَهَبُوا

Maksudnya:

“Sesungguhnya bangsa itu akan kekal selagi mana kukuhnya akhlak, jika akhlak tidak kukuh, akan hilanglah bangsa”

Jelasnya nilai-nilai MIB merupakan nilai-nilai yang mencerminkan ketinggian akhlak yang bersumberkan al Quran dan al Hadith. Pengamalan nilai-nilai tersebut sebenarnya bertujuan untuk mencari jalan mendekatkan diri kepada Allah dan mencari kebahagiaan di akhirat. Agama Islam menekankan nilai-nilai yang dibentuk adalah bertujuan bagi melahirkan insan yang sempurna yang disebut juga sebagai *al Insan al Kamil* yang boleh menjadikan individu tersebut menjadi penjaga dan pemelihara alam. Oleh itu dalam pembentukan alam sekitar perlu ada nilai bersepadu dari nilai *illahiyyah*, nilai *insaniyyah* dan nilai *alamiyyah*. Jika diperhatikan lagi, wujudnya nilai-nilai Islam secara umumnya bertujuan untuk ditransformasikan ke dalam kehidupan manusia yang sejalan dengan karakteristik Islam. Ini bermakna kehidupan manusia merupakan satu kesatuan antara satu bidang dengan bidang kehidupan lain yang merangkumi tauhid, syariah dan akhlak. Namun di antara ketiga-tiganya, nilai akhlak lebih menonjol kerana Islam mempunyai pandangannya tersendiri dalam melihat teori nilai. Dalam Islam, nilai bukanlah berdasarkan penilaian *akliyah* semata-mata ataupun apresiasi variasi budaya masyarakat sahaja, sebaliknya nilai-nilai Islam dipandu dengan dalil-dalil *naqliyah* yang bersumberkan al Quran dan al Hadith.

Ketentuan nilai menurut acuan Islam dikukuhkan sebagaimana firman Allah Subhanahu Wa Ta’ala dalam surah Saba’ ayat 28:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا كَافَّةً لِّلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ

(سورة سبأ: 28)

Tafsirnya:

“Dan Kami tidak mengutus engkau (wahai Nabi Muhammad) melainkan untuk manusia seluruhnya sebagai pembawa berita gembira dan pemberi peringatan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahuinya”.

(Surah al-Saba’: 28)

Dalam ayat lain, Allah Subhanahu Wa Ta’ala berfirman:



وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

(سورة الأنبياء: 107)

Tafsirnya:

“Dan Kami tidak mengutus engkau (wahai Nabi Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam”.

(Surah al-Anbiya’: 107)

Secara umumnya berdasarkan pemahaman ayat-ayat al Quran di atas dapat difahami bahawa Islam sebagai agama fitrah membawa rahmat kepada seluruh manusia membuktikan bahawa Islam sebagai agama yang bersifat universal. Menerusi ciri-ciri kesejagatan yang terserlah dalam ajaran Islam membuktikan Islam memiliki nilai-nilai murni yang praktikal dan realistik. Oleh itu, Islam melihat teori-teori nilai dalam terma-terma yang mengandungi unsur-unsur akhlak seperti ganjaran, balasan, betul, salah, syurga, neraka dan sebagainya. Perkara ini juga ditekankan di dalam pengamalan nilai-nilai MIB itu sendiri kerana nilai Islam dijadikan sebagai tunjang utama dalam penerimaan nilai-nilai yang lain.

Al Muhsinun Nilai Utama MIB

Negara Brunei Darussalam sememangnya mempunyai nilai-nilai MIB yang cukup berharga. Perkara ini dapat dilihat menerusi cogan kata yang cukup indah dan unik yang tertulis di dalam panji-panji bendera negara iaitu *الدائمون المحسنون بالهدى* yang membawa maksud ‘Sentiasa membuat kebajikan dengan petunjuk Allah’. Menariknya di sini, perkataan *المحسنون* *al Muhsinun* itu sendiri merupakan asal dari kata *محسن* *Muhsin* yang juga ada termaktub dalam al Quran. Secara khusus istilah muhsin digunakan di dalam al Quran dalam bentuk tunggal dan jama’. Dalam al Quran, istilah *Muhsin* digunakan sebanyak 39 kali yang dapat diuraikan perinciannya seperti berikut:

- 4 ayat dalam bentuk tunggal (*isim mufrad*): *محسن* .
- 34 ayat dalam bentuk plural laki-laki (*jama’ mudzakkar salim*) iaitu 1 ayat menggunakan istilah *محسنون* dan 33 ayat yang lain menggunakan sebagai istilah *محسنيين*.
- 1 ayat dalam bentuk plural perempuan (*jama’ muannats salim*): *محسنات* .

Berdasarkan penjelasan penggunaan istilah *Muhsin*, kata ini merujuk pada satu kata kunci iaitu “perbuatan baik” yang mencakupi pelbagai aspek termasuklah agama, sosial, politik, budaya, ekonomi, keluarga dan masyarakat. Jika dilihat dari sudut fitrah manusia pula, hakikat *Muhsin* lebih mengarah pada keperibadian yang ideal iaitu suatu kualiti manusia yang sering melakukan perbuatan baik dan konsisten dalam menegakkan kebaikan. Hal inilah yang sebenarnya diajarkan oleh para nabi dan rasul yang dipuji Allah sebagai *Muhsinin*. Kata *Muhsin* dalam bahasa Arab merupakan akar kata yang berasal dari *hasuna-yahsunu-husnan* yang membawa erti baik atau bagus. Dan *Muhsin* bentuk *fa’il* dari kata *ahsana-yuhsinu* pula membawa erti memperbaiki atau membaguskan. Dalam terminologi, kata *Muhsin* adalah orang Islam yang memiliki keteguhan iman yang tinggi sehingga berperilaku baik. Perilaku baik ditujukan kepada Allah dan kepada manusia. Ini bermakna *Muhsin* merupakan orang yang aktif berbuat baik, bukan hanya baik secara personal tetapi juga memperbaiki keadaan sekelilingnya. Seseorang yang dikatakan *Muhsin*, perlu melalui beberapa tahap iaitu bermula sebagai *Muslim* kemudian *Mu’min* dan barulah sampai ke peringkat *Muhsin*. Ini kerana orang yang *Muhsin* merupakan orang-orang yang zuhud dan melaksanakan semua peraturan yang ditetpkan oleh Allah yang disampaikan oleh Rasul-Nya, dengan penuh keimanan. Semua yang dilakukannya bernilai ibadah kepada Allah Subhanahu Wa Ta’ala, bukan hanya yang wajib dan yang sunnah bahkan setiap gerakannya beroleh pahala.

Di dalam al Quran disebutkan bahawa seseorang menjadi *Muttaqin* setelah sebelumnya berada dalam kedudukan *Mukminin* (orang beriman). Seperti yang dijelaskan dalam surat alBaqarah ayat 183:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

(سورة البقرة: 183)

Tafsirnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang sebelum kamu supaya kamu bertakwa”



(Surah al Baqarah: 183)

Manakala, *Muhsinin* dicapai seseorang setelah sebelumnya mereka berada dalam kedudukan *Muttaqin*. Seperti yang dijelaskan Allah menerusi surah Ali ‘Imran ayat 133-134:

وَسَارِعُوا إِلَى مَغْفِرَةٍ مِنْ رَبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ (133) الَّذِينَ يُنْفِقُونَ فِي السَّرَّاءِ وَالضَّرَّاءِ وَالْكَاظِمِينَ الْغَيْظَ وَالْعَافِينَ عَنِ النَّاسِ وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ (134)

(سورة ال عمران: 133-134)

Tafsirnya:

“Dan bersegeralah kamu (mengerjakan amal kebajikan untuk membawa kamu) kepada keampunan dari Tuhan kamu dan ke syurga yang luasnya seluas langit dan bumi yang disediakan untuk orang-orang yang bertakwa. (133) (Taitu) orang-orang yang membelanjakan (hartanya) pada masa senang dan susah dan orang-orang yang menahan marahnya serta memaafkan (kesalahan) orang. Dan Allah mengasihi orang-orang yang berbuat kebaikan. (134)”

(Surah al Ali ‘Imran: 133-134)

Berdasarkan daripada ayat-ayat al Quran di atas, jelas kedudukan *Muhsinin* cukup istimewa di sisi Allah Subhanahu Wa Ta’ala. Di mana *Muttaqin* di tempatkan Allah sebagai kelompok manusia yang paling mulia dan paling tinggi kedudukannya di hadapan-Nya. Seperti yang disebutkan di dalam surat al-Hujurat ayat 13:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَى وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

(سورة الحجرات: 13)

Tafsirnya:

“Wahai manusia! sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan puak supaya kamu berkenal-kenalan. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Teliti.”

(Surah al Hujurat: 13)

Sementara *Muhsinin* dijadikan Allah sebagai kekasih dan orang yang paling di sayang-Nya. Seperti yang disebutkan dalam surat Ali ‘Imran ayat 134:

...وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

(سورة ال عمران: 134)

Tafsirnya:

“... Dan Allah mengasihi orang-orang yang berbuat kebaikan.”

(Surah al Ali ‘Imran: 134)

Apa yang dapat difahami, secara fitrahnya bahwa kedudukan kekasih dan orang yang disayangi setentunya lebih mulia daripada orang yang diberikan kedudukan yang tinggi. Perkara inilah yang berlaku ke atas orang-orang *Muhsinin* yang dikasihi oleh Allah Subhanahu Wa Ta’ala.

Nilai-nilai MIB Negara Zikir

Secara dasarnya, takrifan berkaitan dengan nilai MIB itu sendiri dapat dilihat menerusi titah KDYMM Paduka seri Baginda Sultan Di Pertandingan Membaca al Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1991:



*“Apakah itu nilai? Secara kasarnya dapatlah kita umpamakan sebagai **benih tumbuhan**. Ia hanya akan tumbuh **mengikut kesesuaian iklim dan tempat**.”*

*“**Nilai yang paling agung dan tertinggi, ialah Konsep Melayu Islam Beraja**. Ia tidak syak lagi merupakan benih satu-satunya yang boleh tumbuh dengan suburnya di bumi Brunei Darussalam.”*

*“Setiap gaya dan unsir kehidupan itu hendaklah berpusat dan **tidak lari daripada konsep dan semangat Melayu Islam Beraja**.”*

*“Kita akan tetap berpegang kepada perinsip Melayu Islam Beraja, **sebagai sumber etika dan budaya orang-orang Brunei**, yang telah berjaya membawa mereka sampai terbilang sebagai bangsa yang bersopan santun lagi penuh setia.”*

Menurut Profesor Madya Ampuan Dr Haji Brahim Bin Ampuan Haji Tengah dalam pembentangan kertas kerja beliau dalam Majlis Ilmu 2016, menyatakan bahawa “nilai-nilai MIB” adalah bersifat universal yang merupakan nilai yang mengelokkan diri orang Brunei dan kehidupannya yang akan membawa kesejahteraan dan keselamatan. Jelasnya, MIB itu sendiri merupakan nilai yang terbesar bagi rakyat Brunei Darussalam. Nilai-nilai inilah yang harus dijadikan amalan dan seterusnya dipertahankan untuk dihayati oleh generasi-generasi penerus bangsa. Berkaitan dengan penghuraian nilai dalam MIB, Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr Ustaz Haji Md Zain bin Haji Serudin, menjelaskan perubahan masyarakat dan tata masyarakat yang dibentuk oleh pengalaman dan akal bolehlah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu nilai ‘*insani*’ dan ‘*rabbani*’. Menurut beliau nilai ‘*insani*’ merupakan nilai-nilai yang dikendalikan oleh manusia sendiri berdasarkan perubahan masyarakat dan tamamasyarakat yang dibentuk oleh pengalaman dan akal. Manakala nilai ‘*rabbani*’ pula ditentukan oleh Allah menerusi al Quran dan al Hadith. Ini bermakna ketentuan nilai terhadap aktiviti manusia sama ada baik atau buruk, betul atau salah sebenarnya menggunakan kayu ukur norma-norma yang berkembang dalam kalangan masyarakat seperti adat istiadat dan kebiasaan yang berlaku dalam masyarakat tersebut.

Jelasnya, salah satu unsur penting dalam menentukan calak sesuatu bangsa adalah nilai yang diwarisi. Nilai warisan ini yang memberi corak kepada maruah masyarakat Melayu. Jika nilai-nilai kehidupan tidak kukuh, maka identiti bangsa Melayu mejadi luntur dan ditelan oleh nilai-nilai luar yang dapat merosakkan cara hidup bangsa itu sendiri. Tata nilai orang Melayu Brunei adalah berorientasikan Islam. Oleh kerana itu, tata nilai orang Melayu adalah himpunan yang seimbang antara kesedaran mental, moral, estetika dan kerohanian, yang berintikan kesederan spiritual rasional. Tata nilai spiritual adalah landasan dari keperibadian dan calak orang Melayu, maka calak hidup bangsa Melayu Brunei dibangun atas suatu sistem iman. Pandangan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim, menegaskan bagi rakyat Brunei, disamping mengamalkan nilai-nilai Islam, terdapat nilai-nilai lain dijadikan sebagai nilai tambahan yang telah wujud sekian lama dalam tamadun Islam Melayu, iaitu nilai-nilai yang berbentuk dari adat dan tradisi. Calak suatu bangsa tidak terlepas dari nilai-nilai yang diamalkan dalam masyarakat suatu kaum. Oleh itu nilai Islam yang menjadi inti nilai-nilai Melayu Brunei merupakan asas calak identiti bangsa Melayu Brunei. Manakala Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr Ustaz Haji Md Zain bin Haji Serudin, mengkategorikan nilai-nilai orang Melayu dalam dua kumpulan iaitu Nilai Utama dan Nilai Tambahan. Huraianannya adalah seperti berikut:

a. Nilai Utama:

Beberapa nilai utama dalam bangsa Melayu Brunei yang berlandaskan nilai-nilai Islam adalah seperti bersifat amanah, tanggungjawab, ikhlas, inisiatif, dan dedikasi, sederhana, tekun, jujur dan bersih, berdisiplin, tolong menolong, berbudi mulia, sabar dan bersyukur, rendah diri, pemurah, nilai kebenaran, perpaduan dan nilai hati-hati.

b. Nilai Tambahan:

Nilai penting lainnya adalah nilai-nilai tambahan yang berhubung dengan adat dan sopan santun, iaitu:

1. Nilai awar galat,
2. Nilai menuakan yang tua,
3. Nilai menghormati ibu bapa,
4. Nilai mentaati raja,
5. Nilai menjunjung adat dan
6. Nilai-nilai lain yang melekat pada identiti keBruneian.



Beberapa perkara lain juga telah melakat pada calak identiti bangsa Melayu Brunei seperti majlis tahlil, cara berfikir, cara menyambut keputeraan Nabi Muhammad Sallahu ‘Alaihi Wasallam, cara majlis perkahwinan dan cara berkhatan. Upacara-upacara tersebut merupakan tradisi lama yang mempunyai unsur-unsur keIslaman dan adat bermasyarakat dari orang-orang Melayu Brunei. Namun begitu, nilai-nilai Melayu juga pernah dijelaskan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar, yang mana masyarakat Brunei perlu mengekalkan nilai-nilai luhur kebudayaan Melayu yang berunsurkan kebaikan, kebajikan, kemuliaan, faedah dan dinamisme kehidupan. Di antara nilai-nilai Melayu yang disenaraikan oleh beliau adalah seperti berikut:

1. *Awar galat* dan hormat menghormati
2. Menuakan orang yang lebih tua
3. Mentaati ibu bapa
4. Menghormati ulama
5. Menghormati guru
6. Mentaati pemimpin
7. Mematuhi adat
8. Rajin
9. Lutan
10. Adun
11. Sayang-menyayangi
12. Menghargai keturunan Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam
13. Timbang rasa
14. Mengasihani orang luar
15. Bertolak ansur
16. Kuat berusaha
17. Mempunyai jiwa berdikari
18. Mengekalkan pemerintahan kesultanan melayu secara turun menurun

Menurut Dr Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, nilai-nilai terdapat dalam MIB adalah kesepaduan yang lengkap. Sebagai lunas kepada keutuhan dan kesinambungan hidup berbangsa, beragama dan bernegara. Bangsa Melayu Brunei yang tercatat dalam perlembagaan Negara Brunei Darussalam di bawah Akta Undang-Undang Taraf Kebangsaan Brunei 1961 adalah rakyat Sultan dengan kuat-kuasa mutlak undang-undang yang terdiri dari salah satu puak jati diri bangsa Melayu seperti:

1. Melayu – Belait
2. Melayu – Bisaya
3. Melayu – Brunei
4. Melayu – Dusun
5. Melayu – Kedayan
6. Melayu – Murut
7. Melayu – Tutong

Rakyat Sultan yang terdiri dari tujuh puak ini adalah menjadi akar tunjang ke-Melayu-an di negara ini. Maka nilai identiti bangsa Melayu tersebut tidak lari dari nilai-nilai yang terkandung dalam tujuh puak jati Brunei berkenaan yang taat setia menjunjung pemerintahan Beraja, berbahasa Melayu, berbudaya Melayu Brunei, beradat istiadat, mengamalkan nilai-nilai ke-Melayu-an Brunei, menganuti, menghormati nilai-nilai dan ajaran Islam. Apabila nilai-nilai MIB dikaitkan dengan Negara Zikir, pemahaman yang jelas terhadap pengertian Negara Zikir itu sendiri sangat diperlukan. Justeru itu beberapa tokoh-tokoh agama dan para cendekiawan serta ilmuan negara telah memberikan pendefinisian masing-masing berkaitan Negara Zikir. Antaranya seperti berikut:

Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, mentakrifkan Negara Zikir sebagai:

“Negara, di mana ramai orang-orang berzikir; negara, yang sentiasa meriah dan kaya dengan zikir; negara, yang dibangun dan ditadbir dengan zikir; negara, yang dipertahankan dan dipelihara dengan zikir. Negara Zikir adalah negara yang berorientasi dan berpaksikan zikir; siasahnya siasah zikir, ekonominya ekonomi zikir, sosialnya sosial zikir, dan pertahanannya pertahanan zikir”

(Negara Zikir: Azam, Keperluan dan Pelaksanaan, 2010)



Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd. Rahman, Mantan Menteri Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam, mendefinisikan Negara Zikir sebagai:

“...Negara ialah suatu tempat atau kawasan yang tertentu yang mempunyai garis sempadan yang sah, didiami oleh sekumpulan manusia, mempunyai undang-undang dan mempunyai sebuah kerajaan yang memerintah dan mempunyai kedaulatan. Negara Brunei Darussalam memenuhi kriteria ini... ‘Zikir’ berasal dari bahasa Arab yang bermakna ‘ingat’. Negara Zikir ialah negara yang bertuhan, negara yang rakyat dan penduduknya selalu mengingati Tuhan. Tuhan itu ialah Allah Subhanahu Wa Ta’ala, bukannya Tuhan dalam fahaman agama lain. Jika demikian, maka ‘Negara Zikir’ itu ialah negara Islam yang berpegang teguh kepada ajaran Islam, mengamalkan dan menghayatinya dari segi akidah, syariah dan akhlaknya.”

(Negara Zikir: Azam, Keperluan dan Pelaksanaan, 2010)

Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim pula menyatakan bahawa:

Negara Zikir adalah mengarah kepada amal ibadat dan meletakkan zikir sebagai rujukan dan asas kehidupan praktik dalam bernegara, bermasyarakat dan kehidupan peribadi. Umumnya beliau mengatakan bahawa “Semua jenis amal ibadat itu ialah zikir.”

(Negara Zikir: Azam, Keperluan dan Pelaksanaan, 2010)

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengiran Dato Paduka Haji Othman mendefinisikan Negara Zikir sebagai:

Sebuah negara di mana “penduduknya tidak melupakan Allah dan tidak mengingkari atau kufur terhadap nikmat Allah.”

(Negara Zikir: Azam, Keperluan dan Pelaksanaan, 2010)

Dato Paduka Awang Haji Jemaat bin Haji Ampal pula lebih memfokuskan pada budaya belia atau pembinaan belia sebagai asas kepada pembinaan Negara Zikir dengan mengatakan bahawa:

“... Generasi belia adalah sumber tenaga manusia yang paling bernilai dan penting dalam pembangunan sesebuah negara. Potensi generasi ini untuk bertindak selaku penyumbang kepada perkembangan bangsa dan negara memang diperakui oleh dunia sejagat...”

(Negara Zikir: Azam, Keperluan dan Pelaksanaan, 2010)

Menurut Ustaz Muhammad Uthman El-Muhammady, Negara Zikir ialah:

“... Negara yang penduduknya beriman dan bertakwa, yang mendapat keberkatan dari bumi dan langit; yang kalau berlaku kesilapan maka mereka kembali kepada jalan yang hak, dengan beriman, lalu menjadi selamat daripada kehinaan dunia, negara yang rakyatnya bila berlaku sesuatu yang menyentuh keamanan dan keselamatan negara mereka kembalikan perkara itu kepada ulil-amri dan keputusan pun dibuat oleh mereka yang berupa ahli istinbat sebenarnya, mereka yang membuat keputusan pakar dan mengelak budaya ‘intellectual cowboism’; Negara Zikir yang rakyatnya beribadat kepada Tuhan, berzikir dan hidup dalam keadaan jaga rohani dan akal serta gerak-gerinya. Negara yang para ahlinya menjalankan amar makruf dan nahi munkar dengan syarat-syaratnya.”

(Negara Zikir: Azam, Keperluan dan Pelaksanaan, 2010)

Berdasarkan daripada pendefinisian di atas, dapatlah difahami bahawa Negara Zikir merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem Islam sebenar sama ada dalam urusan sehari-hari mahupun urusan dalam pemerintahan. Oleh itu mewujudkan Negara Zikir yang berdaulat dan makmur merupakan suatu tuntutan agama dan perkara ini telah disepakati oleh semua para ulama. Oleh yang demikian kewujudan dan pembentukan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir sebetulnya mempunyai kesinambungan menerusi perlaksanaan dan pengamalan konsep Negara MIB yang telah lama wujud. Menurut Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, sekurang-kurangnya ada tiga (3) faktor yang dapat dijadikan ukuran tentang keIslaman Brunei dan sekali gus tentang kedudukannya sebagai sebuah Negara Zikir. Pertama, penerimaan Brunei terhadap Islam, iaitu agama Allah yang disampaikan menerusi Rasul-Nya, Nabi



Muhammad Sallallahu ‘alaihi wasallam, menjadi anutan raja dan pembesar-pembesar negara serta majoriti rakyatnya. Kedua, pengamalan dan penyebaran ajaran-ajaran Islam dengan menghormati serta memartabatkan syiarnya. Ketiga, melambangkan Islam ke dalam sistem pemerintahan, adat istiadat dan kemasyarakatan.

Jika diperhatikan menerusi titah KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkuah Mu’izzadin Waddaulah Sultan Yang Di-dipertuan Negara Brunei Darussalam, sempena ulang tahun Hari Keputeraan Baginda yang ke 44 pada hari Sabtu 21 Julai 1990:

“...Ianya tidak lebih dari menunjukkan bentuk dan curak sebuah kerajaan Brunei Darussalam yang tulin; Kerajaan Melayu Islam yang Bersultan atau Beraja...”

“Dari tiga rangkai kata: “Melayu Islam Beraja, terdapat unsur atau nilai-nilai yang positif untuk ketahanan negara...”

Berdasarkan titah di atas, Baginda Sultan sangat menitik beratkan perihai pengamalan nilai-nilai MIB itu sendiri kerana ianya merupakan sebahagian alat perpaduan rakyat yang paling efektif. Selain itu pada tahun yang sama iaitu bersempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu ‘Alaihi Wasallam, Baginda Sultan sekali lagi mengaskan perihai pentingnya nilai-nilai MIB tersebut untuk dihayati dan disempurnakan. Petikan titah tersebut adalah seperti berikut:

“... tema ini bukan saja untuk ditulis dan diucapkan, tetapi yang lebih penting ialah untuk dihayati dan disempurnakan. Sebagai bangsa Melayu, kewajipan kita ialah memelayukan segala tingkah laku dan perangai kita...”

...sifat-sifat kemelayuan Brunei itu tergambar atau terpapar pula pada pakaiannya, pada cara bergaulnya, cara berfikir dan bertindakya. Jangan kita lebih-lebihkan memakai cara orang...

...Kerana keempat-empat unsur ini, apabila sudah melebihi cara orang itu, nanti Brunei bukan lagi Brunei. Inilah yang kita tidak mahu...”

Menurut Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Utama Dr Ustaz Haji Md Zain bin Haji Serudin, melalui titah ini dapat difahami akan kewajipan bangsa Melayu, iaitu:

1. Memelayukan segala tingkah laku dan perangai.
2. Menghayati sifat-sifat kemelayuan Brunei dalam perkara seperti yang berikut:
 - a. Cara berpakaian iaitu tidak melupakan pakaian tradisi orang-orang Brunei, pakaian yang tidak menjolok mata dan sesuai dengan ciri-ciri keMelayuan Brunei.
 - b. Cara bergaul iaitu bersopan santun, menghormati orang yang lebih tua dan menggunakan kata ganti diri yang sesuai.
 - c. Cara berfikir iaitu dengan matang dan tidak membelakangi Uagama.
 - d. Cara bertindak iaitu tidak mengikut hawa nafsu, mementingkan masyarakat sekeliling, berlandaskan hukum Islam dan adat
 - e. Jangan berlebih-lebihan memakai cara orang, akibatnya Brunei bukan lagi Brunei. Inilah yang Baginda tidak mahu.

Selain itu menurut Profesor Madya Dr. Awang Haji Hashim bin Haji Abdul Hamid juga menjelaskan bahawa apa yang dimaksudkan dengan warisan unggul dan keibupertiwaan tersebut berkait rapat dengan persoalan norma dan nilai. Brunei mempunyai warisan unggul, contohnya ketaatan kepada keluarga dan watan, memuncang-mucang, menghormati orang yang lebih tua, mengenang budi, dan lain-lain. Perkara ini tidak bertentangan dengan Islam, bahkan dengan kedatangan Islam ianya memberi suatu keyakinan bahawa yang diwarisi itu adalah sejajar dengan kehendak Islam. Oleh yang demikian dapat difahami bahawa nilai-nilai orang Brunei digariskan dalam beberapa kelompok besar:

1. Nilai Kemanfaatan
2. Nilai Kekeluargaan
3. Nilai Permuafakatan
4. Nilai Keadilan
5. Nilai Keseimbangan



6. Nilai Kesedaran Terhadap Hukum
7. Nilai Kecekalan dan Kepercayaan Diri
8. Nilai Berbudi

Ini bermakna salah satu unsur penting dalam menentukan calak sesuatu bangsa adalah nilai yang diwarisi. Nilai warisan tersebut setentunya akan memberi corak kepada maruah masyarakat Melayu. Jika nilai-nilai kehidupan tidak kukuh, maka identiti bangsa Melayu menjadi luntur dan ditelan oleh nilai-nilai luar yang dapat merosakkan cara hidup bangsa itu sendiri. Jelasnya sebagai rumusan nilai utama MIB, selaku bangsa Brunei perlulah memilih nilai yang betul-betul sesuai dengan bumi Brunei Darussalam yang tidak lari dari unsur keMelayuan, KeIslaman dan KeBerajaan. Nilai-nilai tersebut terkandung dalam cara berpakaian cara bergaul, cara berfikir dan cara bertindak.

Nilai MIB Dasar Pembentukan Akhlak

Menurut Ibn Khaldun, kemajuan negara dalam bentuk tamadun (*hadarah*) tidak boleh kekal tanpa agama dan akhlak. Jika agama dan akhlak runtuh, maka tamadun akan turut runtuh. Dengan kata lain, tamadun yang sebenar, menurut beliau ialah tamadun yang berunsur keagamaan dan akhlak. Berdasarkan pandangan Imam Al Ghazali dan Ibnu Miskawaih, terdapat empat dasar pembentukan akhlak yang perlu ada dalam diri setiap individu iaitu :

1. *Al Hikmah* (الحِكْمَة)
Kebijaksanaan (*wisdom*) merupakan kecerdasan intelektual, emosi dan rohani sehingga dapat membezakan sesuatu yang benar dan salah dalam setiap perbuatan manusia. Kebijaksanaan merangkumi ilmu *maujudat* (wujud) berkaitan isu-isu kemanusiaan dan ketuhanan.
2. *Al Iffah* (العِفَّة)
Ta'dib (mendidik) kekuatan hawa nafsu syahwat untuk tunduk dengan didikan akal yang rasional dan berdasarkan tuntutan syara'.
3. *Asy Syaja'ah* (الشَّجَاعَة)
Keberanian adalah kekuatan sifat kemarahan yang ditundukkan oleh akal ketika sedar ataupun sebaliknya.
4. *Al 'Adl* (العَدْل)
Keseimbangan jiwa yang dapat dipergunakan untuk mengatur marah dan nafsu syahwat dan mendorongnya menurut kehendak hikmah.

Menerusi dasar-dasar tersebut, Islam sememangnya sangat mementingkan pembentukan akhlak dalam konteks individu, keluarga, masyarakat dan negara. Menurut Muhammad Sayyid Thantawi, akhlak merupakan salah satu daripada tiga kerangka dasar utama dalam Islam disamping aqidah dan syari'ah. Selain itu, Abu Nashr dan Al Ghazali menyatakan terdapat empat rukun yang perlu dijaga untuk memperolehi kesempurnaan akhlak. Rukun tersebut ialah kekuatan ilmu, kekuatan marah, kekuatan nafsu syahwat dan kekuatan bertindak adil (keseimbangan). Kesimpulannya, melihat kepada penekanan terhadap nilai-nilai MIB yang sudah dijelaskan sebelumnya, merupakan sebahagian daripada dasar penting dalam pembentukan akhlak. Nilai-nilai MIB perlu diterapkan kepada masyarakat menerusi pelaksanaan kaedah pendidikan akhlak yang telah dijelaskan di atas. Perlaksanaan ini dilihat penting untuk diadaptasikan dalam menjalani kehidupan harian iaitu sebagai usaha mempertahankan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir Melayu Islam Beraja.

Negara Zikir MIB dalam Wawasan Negara 2035

Wawasan Negara 2035 merupakan satu matlamat yang bersistematik yang memerlukan kepada usaha bersepadu seluruh lapisan rakyat Brunei. Untuk mencapai wawasan tersebut, sumber manusia berkualiti sangat diperlukan. Perkara ini dapat dilihat menerusi titah KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan, sempena menyambut Jubli Perak Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, pada 23 Februari 2009:

"Wawasan turut mengenal pasti keperluan sumber manusia berkualiti adalah faktor penentu kepada kejayaan negara untuk menikmati kemajuan secara berpanjangan. ...kita mengharapkan juga dapat menyaksikan kemunculan golongan-golongan pemimpin, pemikir dan pengusaha yang berwibawa"

Melahirkan sumber manusia yang berkualiti memerlukan kepada penekanan terhadap pendidikan dan mengasah kemahiran-kemahiran tertentu. KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan bertitah sempena majlis bersama pelajar Brunei di Australia, pada 1 Mei 2013:



*“Ingat, matlamat wawasan Brunei 2035 ialah untuk melahirkan rakyat yang **berpendidikan dan berkemahiran tinggi**. Bagaimanakah harapan ini boleh dicapai nanti, kalau proses pendidikan dan pembelajaran tidak berjalan lancar disebabkan adanya gangguan-gangguan dalaman sendiri?”*

Jelasnya berdasarkan titah di atas, pendidikan yang dapat membentuk masyarakat berkemahiran tinggi sangat diperlukan agar matlamat wawasan negara 2035 terlaksana sepertimana yang telah dirancang. Namun kesedaran akan pentingnya ilmu pengetahuan tersebut juga perlu ada dalam diri setiap belia yang merupakan generasi penerus bangsa bakal pemimpin negara di masa akan datang. Perkara ini dapat difahami melalui titah KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan sempena majlis ramah mesra bersama rakyat di Australia, pada 17 Mac 2018:

*“Kepada para pelajar sayugia Beta ingatkan akan **kepentingan ilmu pengetahuan**, terutama dalam usaha kerajaan Beta menjayakan Wawasan Negara 2035. **Generasi muda** yang **berpendidikan tinggi** adalah **sebenar-benar sumber asli negara yang tiada ternilai**. Dan rakyat berilmu dan berkemahiran akan mampu untuk memacu ekonomi dan kemakmuran negara”*

Secara kesimpulannya berdasarkan daripada petikan ketiga-tiga titah di atas, jelas menunjukkan bahawa Wawasan Negara 2035 secara umumnya bertujuan untuk menjadikan rakyat Negara Brunei Darussalam mempunyai pendidikan yang berkualiti, berkemahiran tinggi dan berjaya. Negara Brunei Darussalam akan dikenali sebagai sebuah negara yang mempunyai sumber manusia berilmu, berkemahiran dan bertamadun tinggi. Menerusi kajian yang telah dibuat oleh Dr Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong pada tahun 2014, menyatakan bahawa Wawasan Negara 2035 itu di dalamnya terkandung nilai tradisi keBruneian sebagai tunjang kehidupan serta menjadi tunggak dalam menghadapi cabaran arus globalisasi dan penggunaan media baru masa kini. Wawasan Negara 2035 telah menggariskan matlamat dan visi yang hendak dicapai oleh negara yang bersandarkan kepada nilai-nilai hidup MIB dengan penekanan kepada pendidikan Agama Islam. Pembentukan dan pengasuhan golongan muda dengan nilai ke-Brunei-an yang beracuan “Calak ke-Brunei-an”, khususnya melalui Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 adalah merupakan salah satu cara untuk mengekalkan warisan bangsa Melayu Brunei. Masyarakat Brunei hendaklah yakin bahawa dalam kehidupan dunia masa kini, yang tanpa mempunyai batasan akibat dari ledakan teknologi maklumat, maka kita tidak punya pilihan melainkan bersedia menghadapi semua cabaran, akibat dari penyebaran maklumat yang senantiasa terbuka luas, dengan penerapan dan pengamalan nilai-nilai Melayu Islam Beraja.

Untuk itu bagi mencapai wawasan negara 2035, tiga nilai utama yang perlu diterapkan iaitu kesetiaan kepada Raja dan negara, keyakinan terhadap nilai-nilai Islam, keharmonian sosial dan amalan tradisi. Sebagaimana dalam titah Baginda Sultan sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke-33, Tahun 2017 mengenai kunci kejayaan bagi Wawasan Negara 2035, iaitu:

“Untuk ini semua, kita diperlukan terlebih dahulu, untuk bersatu padu. Jangan berpecah-belah. Pastikan semua usaha dibuat adalah secara muafakat, relevan dan menepati peredaran masa. Inilah rahsia atau kunci kejayaan bagi Wawasan Negara 2035.

Pengisian Sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini, eloklah lebih menekankan kepada pembentukan sifat-sifat dalaman yang sihat, seperti jujur, amanah dan setia”

Jelasnya menurut Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, perkembangan dan kemajuan pendidikan selama tempoh 100 tahun dan khususnya kemajuan 60 tahun yang lalu adalah diasaskan kepada pegangan terhadap konsep MIB. Namun perlu diingat abad ke-21 sudah pasti akan membawa bersamanya perubahan dan cabaran. Keberkesanan sistem pendidikan perlu diukur secepat mana ia dapat bertindak menghadapi perubahan dan kejayaan pelaksanaan dasar yang dapat menyediakan pelajar-pelajar Negara Brunei Darussalam yang mampu menghadapi cabaran. Dalam hubungan itu, sistem pendidikan negara yang berteraskan dan berlandaskan MIB diharap dapat memberi jaminan dan kekuatan bagi rakyat dan generasi masa ini dan akan datang, menghadapi arus cabaran-cabaran Abad 21 tersebut. Menerusi pendidikan MIB yang berlandaskan dengan pendidikan Islam yang setentunya bersumberkan al Quran dan al Hadith, menjadikan rakyat Brunei berpandangan dengan pandangan hidup Islam yang berasaskan kepada persoalan ketuhanan iaitu kepercayaan insan kepada kewujudan Allah Subhanahu Wa Ta’ala sebagai Maha Pencipta. Di sinilah perlunya kepada penghayatan nilai-nilai MIB untuk dijadikan sebagai jati diri atau sikap orang Brunei. Maka melalui perlaksanaan Wawasan Negara 2035 inilah wujudnya kesinambungan dalam terbentuknya sebuah Negara Zikir Melayu Islam Beraja sepertimana yang telah diilhamkan oleh KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



Kesimpulan

Pembentukan sebuah Negara Zikir Melayu Islam Beraja merupakan bukti kukuh kesepaduan Bangsa Brunei. Menerusi kesepakatan seluruh masyarakat pastinya akan mengekalkan Negara Brunei Darussalam yang tercinta ini akan terus aman damai dan hidup dalam keadaan yang harmoni. Rakyat yang *Muhsinun* pastinya akan dikasihi Allah. Selagimana kasih dan sayang Allah berada di bumi Darussalam, selagi itulah keamanan yang kitani nikmati ini akan terus terpelihara. Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara 2019, di mana dalam titah itu, Baginda Sultan menegaskan bahawa Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang molek, yang sentiasa mementingkan ibadah kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala:

"Ia dipandu oleh sistem MIB yang telah pun berjalan sekian lama sejak ratusan tahun lagi di mana sistem ini berkewajipan untuk memelihara dan menjamin semua hak rakyat dan penduduk tanpa mengira puak dan pegangan mereka.

"Inilah MIB, konsep keramat yang telah berjaya menjelmakan sebuah negara yang adil lagi bahagia, yang hidup di dalamnya sebuah komuniti yang bersatu padu.

"Sistem MIB juga telah terbukti amat mesra kepada dunia, sehingga siapa saja yang datang berkunjung ke negara ini akan beroleh pengalaman manis, dapat menikmati suasana aman dan harmoni serta layanan yang sebaik-baiknya.

"Inilah hakikatnya Brunei, negara MIB di mana selain daripada itu, ia bukanlah Brunei," demikian titah Baginda Sultan.

Apa yang dapat disimpulkan Nilai-nilai MIB yang membentuk Negara Zikir merupakan tunjang kekuatan negara dan jiwa raga bangsa Brunei. Apa juga cabaran yang bakal ditempuh dan dihadapi, negara dan rakyat pastinya akan sentiasa bersedia menempuhnya dengan semangat juang dan jiwa yang kental dan tidak mudah mengalah kepada sebarang ugutan dan ancaman kerana yakin akan pertolongan Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Dengan demikian, negara akan sentiasa dalam rahmat dan perlindungan Allah Subhanahu Wa Ta'ala serta terhindar daripada sebarang mara bahaya, bala bencana, musibah dan mala petaka seterusnya menjadi *Baldatun Toyyibatun Wa Rabbun Ghafur*.

Rujukan

Al Quran

- Ab. Aziz Yusof. (2014). *Pengurusan Pendidikan Islam Mekanisme Transformasi Ummah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abd Al Rahman bin Ibn Khaldun. (1993). *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Beirut: Dar Al Kutub Al Ilmiyyah.
- Abd Latif Ibrahim. (2003). *Melayu Islam Beraja: Pengantar Huraian*. Bandar Seri Begawan: Akademi Pengajian Brunei.
- Abdul Latif Ibrahim. (2003). *Issues in Brunei Darussalam Cet.I*. Bandar Seri Begawan: Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam.
- Abdul Latif Ibrahim. (2013). *Melayu Islam Beraja Suatu Pemahaman*. Bandar Seri Begawan: Pentagram Design Sdn.Bhd.
- Abdullah Ahmad Badawi. (2006, Mac 31). *Membina Tamadun, Menjulung Martabat Negara*. Didapatkan dari www.ipislam.edu.my: http://www.ipislam.edu.my/index.php/artikel/read/400/membina-tamadun-menjulungmartabat-negara
- Abdurrahman Muhammad. (2001). *Mukaddimah Ibnu Khaldun: edisi Indonesia*. Jakarta Timur: Pustaka Al-Kautsar.
- Abu Bakar Apong. (1998). Sumbangan dan Peranan Institusi Pengajian Tinggi Dalam Mewujudkan Manusia Calak Brunei. *Melayu Brunei Abad Ke 21* (hlm. 186-198). Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam.
- Abu Muhammad Iqbal. (2013). *Konsep Pemikiran Al Ghazali Tentang Pendidikan*. Jawa Timur: Jaya Star Nine.
- Abu Nashr As Sarraj. (2002). *Al Luma': Rujukan Lengkap Ilmu Tasawuf*, terj. Wasmukan dan Samson Rahman. Surabaya: Risalah Gusti.
- Abuddin Nata. (2009). *Akhlak Tasawuf*. Jakarta: Rajawali Pres.
- Abu'l-Hasan al-Mawardi. (2005). *Al-Ahkam As-Sulthaniyah (The Laws of Islamic Government) Terj. Asadullah Yate*. London: Ta-Ha Publisher.
- Ahmad Zaini. (1989). *Pertumbuhan Nasionalisme di Brunei (1939-1962)*. Kuala Lumpur: ZR Publication.
- Al Farabi. (t.t). *Kitab Ara Ahl Al Madinah Al Fadilah oleh Al-Albert Nasir Nadir*. Beirut: Dar Al Mashriq.



- Al Ghazali. (2005). *Ihya Ulumuddin Jilid 1*. Beirut: Dar Ibnu Hazm.
- Al Ghazali, 1. (t.t). *Al Munqidh Min Al Dalal*. Terj Jamal Salibah dan Kamil Ayyad Edisi ke 3. Damsyik: Tanpa penerbit.
- Ampuan Brahim Ampuan Tengah. (2013). Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21: Isu dan Cabaran di Brunei Darussalam. *SOSIOHUMANIKA: Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 6 (2) November.
- Anggi Fitri. (2018). Pendidikan Karakter Prespektif Al Quran Hadits. *TA'LIM: Jurnal Studi Pendidikan Islam*. Vol.1 No. 2 Julai, 38-67.
- Awang Abdul Aziz Awang Umar. (1993). *Melayu Islam Beraja Negara Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Akademi Pengajian Brunei Universiti Brunei Darussalam.
- Awang Abdul Aziz Awang Umar. (2001). *Melayu Islam Beraja Negara Brunei Darussalam. Kertas-kertas Kerja Seminar MIB*. Bandar Seri Begawan: Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam.
- Awang Abdul Aziz Juned. (2021). *Negara Zikir Melayu Islam Beraja*. Bandar Seri Begawan: Pelita Brunei.
- Awang Abu Bakar Apong. (2018). *Melayu Islam Beraja Dalam Sistem Pendidikan Negara Abad 21*. Bandar Seri Begawan: Urus Setia Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja.
- Awang Abu Bakar Apong. (2018). *Melayu Islam Beraja Dalam Sistem Pendidikan Negara Abad 21*. Bandar Seri Begawan: Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja.
- Awang Ahmad Effendi. (2017). *Falsafah Melayu Islam Beraja Hubungannya Dengan Modeniti*. Negara Brunei Darussalam: Dewan Bahasa Dan Pustaka Brunei.
- Awang Md Zain Serudin. (2007). *Mengangkat Martabat Bangsa*. Bandar Seri Begawan: Pusat Da'wah Islamiah.
- Awang Mohd Jamil al-Sufri. (1992). *Liku-liku Perjuangan Pendidikan di Brunei, 1950-1985*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Awang Mohd Jamil al-Sufri. (1993). *Chatatan Sejarah Perwira-perwira dan Pembesar-pembesar Brunei, Jilid II*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Mohd Serudin Timbang. Hak Asasi Manusia Dari Perspektif Islam. Muat turun menerusi laman sesawang: <https://www.mabims.gov.bn/Kertas%20Kerja/Kertas%20Tema%20SOM%20MABIMS%202016%20-%20Hak%20Asasi%20Manusia%20Dari%20Perspektif%20Islam%20Brunei.pdf>
- Awang Yahya Ibrahim. (2000). *Sejarah dan Peranan Institusi Melayu Islam Beraja*. Bandar Seri Begawan: Pusat Da'wah Islamiah Brunei Darussalam.
- Badaruddin Othman. (2018). *Calak Bangsa*. Negara Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Duraman Tuah. (2001). *Membangun Negara Berdasarkan Falsafah Melayu Islam Beraja: Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Institut Perkhidmatan Awam.
- Hashim Abd Hamid. (1993). *Junjung Tinggi*. Kuala Lumpur: Percetakan Mahir Sdn Bhd.
- Hashim Abd Hamid. (2004). Calak Brunei: Suatu Dimensi Budaya dan Intelektual. *Seminar Calak Brunei* (hlm. 24-26). Bandar Seri Begawan: Akademi Pengajian Brunei, UBD.
- Hashim Abd Hamid. (2004). *Campur Langkah Bicara*. Brunei Muara: Universiti Brunei Darussalam.
- Hashim Abd Hamid. (2005). *Tamadun Brunei: Suatu Dinamika Budaya dan Ketuanan Melayu*. Bandar Seri Begawan: Tanpa Penerbit.
- Hashim Abd Hamid. (2005). *Tamadun Brunei: Suatu Dinamika Budaya dan Ketuanan Melayu*. Bandar Seri Begawan.
- Hashim Abd Hamid. (2015). Membumikan Falsafah Negara Jalan Menghindari Kefasadan. *Seminar Masalah Sosial*, 1-9.
- Ibnu Katsir. (2019). *Tafsir Ibnu Katsir Jilid 2, Disusun oleh 'Abdullah bin Muhammad Alu Syaikh*. Jakarta: Pustaka Imam Asy-Syafi'i.
- Ibnu Katsir. (2019). *Tafsir Ibnu Katsir, Jilid 7, Disusun oleh 'Abdullah bin Muhammad Alu Syaikh*. Jakarta: Pustaka Imam Asy-Syafi'i.
- Ibnu Katsir. (2019). *Tafsir Ibnu Katsir, Jilid 9 Disusun oleh 'Abdullah bin Muhammad Alu Syaikh*. Jakarta: Pustaka Imam Asy-Syafi'i.
- Ibnu Miskawaih. (1985). *Tahzib Al Akhlak*. Beirut: Dar Al Kutub Al Ilmiah.
- Jabatan Penerangan. (1989, Julai 15). Didapatkan dari Himpunan Titah 1989: <http://www.information.gov.bn/Lists/TITAH/ItemDisplay.aspx?ID=312&Source=http%3A%2F%2Fwww%2Einformation%2Egov%2Ebn%2Flists%2Ftitah%2Fallitems%2Easpx%3FPaged%3DTRUE%26p%5FYear%5F0020%5Fof%5F0020%5Fthe%5F0020%5FAr%3D1991%26p%5FID%3D249%26PageFirstRow%3D3>
- Jabatan Penerangan. (2007, Julai 15). Didapatkan dari Himpunan Titah 2007: <http://www.information.gov.bn/Malay%20Publication%20PDF/07.pdf>
- Jabatan Penerangan Brunei Darussalam. (2009). *Kumpulan Titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam.
- Jabatan Perdana Menteri. (2020, November 23). Didapatkan dari pmo.gov.bn: <http://pmo.gov.bn/Lists/TITAH/NewDispform.aspx?ID=374&Source=http%3A%2F%2Fpmo%2Egov%2Ebn>



- %2FPMO%2520Pages%2FTitah%2DView%2Easpx&ContentTypeId=0x0100422E821587FC974C9DFFAF38C117CE34
- Jamilah, Ahmad, Nur Nasliza Arina dan Mohamad Nasir. (2018). Penerapan dan Pemerkasaan Nilai Murni Dalam Kalangan Belia. *Malaysian Journal of Youth Studies Vol 19, Disember*, 168-199.
- JPK. (2009). *Kerangka dan Panduan bagi Kurikulum dan Penilaian Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam.
- Jasni Sulung dan Faisal Husen Ismail. (2010). Kesejahteraan Segajat: Analisis Dari Perspektif Maqasid Al-Syariah. *Jurnal Usuluddin edisi Jun*. Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Khusnul Khotimah. (2009). Islam dan Globalisasi: Sebuah Pandangan Tentang Universalitas Islam. *Jurnal Dakwah dan Komunikasi. Vol.3 No.1 Januari-Jun*, 114-132.
- Mahyuddin Yahya. (2013). Kompilasi Kertas Kerja Melayu Islam Beraja. *MIB'U: Ke Arah Negara Maju (Negara UMRANI 2035)*, 53-80. Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: Pusat Pentaran Ilmu dan Pengajian Bahasa Universiti Islam Sultan Sharif Ali.
- Mahyudin Yahya. (2014). *MIB: Misi Global Ke Arah Negara Zikir Berdasarkan Teori Umran*. . Negara Brunei Darussalam: Universiti Islam Sultan Sharif Ali.
- Majlis Ilmu 2016. (2016, Ogos 23). Didapatkan dari Majlisilmu.gov.bn: <http://www.majlisilmu.gov.bn/Kertas%20Kerja/Kertas%20Kerja%202016/HARI%20PERTAMA/KERTAS%201%20-%20YM%20Profesor%20Madya%20Ampuan%20%20Dr%20Haji%20Ibrahim%20bin%20Ampuan%20Hj%20Tengah/Budaya%20Teknologi%20Perhubungan%20Berasaskan%20MIB%20-%20YM%20Profesor%20Majlis%20Mesyuarat%20Negara>.
- Majlis Mesyuarat Negara. (2019, Mac 18). Didapatkan dari majlis-mesyuarat.gov.bn: [http://www.majlis-mesyuarat.gov.bn/JMM%20Images/laporan2019/Laporan%20Penuh%20\(Hansard\)%20isnin,%20%2018%20Mac%202019%20\(pagi\).pdf](http://www.majlis-mesyuarat.gov.bn/JMM%20Images/laporan2019/Laporan%20Penuh%20(Hansard)%20isnin,%20%2018%20Mac%202019%20(pagi).pdf)
- Md Zain Serudin. (1998). *Melayu Islam Beraja: Satu Pendekatan*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa Dan Pustaka Brunei.
- Melayu Islam Beraja Amanat 1984*. (2020). Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Mohammad Nazir. (1989, Disember 16-21). Kertas Kerja Kursus intensif Konsep MIB,, . Brunei Darussalam: UBD.
- Mohd Husaini Abdullah. (2015). Masalah Sosial Di Negara Brunei Darussalam: Satu Tinjauan. *Seminar Masalah Sosial*, 10-20.
- Mohd Jamil al-Sufri. (2009). *Satu Pemikiran Mengenai Corak Pendidikan Untuk Brunei Darussalam Berasaskan Islam: Melalui Pengalaman dan Sejarah*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Mohd Shukri Hanapi. (2015). Acuan Dasar dan Startegi Pembangunan Negara Zikir. Dalam A. Siti Sara, & S. Muhammad Syukri, *Dasar dan Strategi Pembangunan Negara Zikir* (hlm. 1-24). Gadong: UNISSA Press.
- Mohd Zain Serudin. (2013). *Anugerah Kefahaman Melayu Islam Beraja*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Muhammad Hadi Muhammad Melayong. (2014). Melayu Islam Beraja: Asas Perpaduan Hidup Bermasyarakat dan Bernegara di Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*. 7(1), 55-63.
- Muhammad Hadi Muhammad Melayong. (2015). Masyarakat Harmoni, Negara Sejahtera. *Seminar Masalah Sosial* (hlm. 1-3). Bandar Seri Begawan: Akademi Pengajian Brunei, UBD.
- Muhammad Hadi Muhammad Melayong. (2021). *Melayu Islam Beraja Amanat 1984*. Bandar Seri Begawan: Persatuan Sejarah Brunei.
- Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya*. (2014). Bandar Seri Begawan: Pusat Da'wah Islamiah.
- Norarfan Zainal. (2012). Membongkar Rahsia Pendidikan Islam. *Perkembangan Institusi Pengajian Tinggi Islam Di Brunei Darussalam: Harapan Dan Realiti* (hlm. 260-269). Bandar Seri Begawan: Pusat Penerbitan Kolej Universiti Perguruan Ugama.
- Pengiran Hidop Pengiran Samsuddin. (2009). *Budaya Dan Adat Istiadat Dalam Karya Kesusasteraan Melayu Brunei*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa Dan Pustaka Brunei.
- Rasinah Ahim. (2013). Memperkasa Kegemilangan Islam. *Kompilasi Kertas Kerja Melayu Islam Beraja*, 137-159.
- Siti Norkhalbi Wahsalfelah. (2016). Peranan Golongan Intelektual Brunei Dalam Konsep Melayu Islam Beraja. *Brunei Merdeka*, 183-198. Didapatkan dari fass.ubd.edu.bn.
- Suhairimi Abdullah. (2009). *Dinamisme Nilai-Nilai Murni Menurut Perspektif Islam*. Kangar: Universiti Malaysia Perlis.
- Syafa'atul Jamal. (2017). Konsep Akhlak menurut Ibn Miskawaih. *Tasfiah, Jurnal Pemikiran Islam, Vol.1, No. 1, Februari*, 51-70.
- Tassim Abu Bakar. (2010). MELAYU ISLAM BERAJA MEWUJUDKAN PELAJAR BERMORAL DAN BERETIKA. *Jurnal Akademi Pengajian Brunei, Janang Bil 11*, 10-21.
- Tassim Abu Bakar. (2015). *Projeksi Melayu Islam Beraja Dalam Media Masa*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.